

| | | | |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline | TNB tukar 212,639 lampu jalan jenis LED dalam kawasan PBT | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 22 Jun 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 155,996 | Readership | 467,988 |
| Section | Negara | Page No | 13 |
| ArticleSize | 129 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 5,120 | | |
| | | | |



TNB tukar 212,639 lampu jalan jenis LED dalam kawasan PBT

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menukar hampir 60 peratus daripada keseluruhan 367,000 unit lampu dalam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung Malaysia kepada lampu diod pemancar cahaya (LED) yang lebih jimat tenaga dan kos

senggara serta mesra alam. TNB dalam kenyataan semalam berkata, sebanyak 212,639 unit lampu High Pressure Sodium Vapor (HPSV) lama yang majoritinya berkapasiti 150 Watt ditukar kepada lampu LED dengan kapasiti 90 Watt sejak awal 2018 sehingga 14

Jun lalu.

“Bakinya akan digantikan dengan lampu LED seawal Disember tahun depan. Penukaran lampu kepada LED ini di bawah inisiatif Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) bagi tempoh 2018 hingga 2020.

“Ia bagi mengurangkan risiko

kegagalan lampu jalan yang menggunakan HPSV daripada 15 peratus kepada kurang dari 1 peratus,” menurut kenyataan itu.

Penggantian lampu tersebut dianggarkan boleh menyumbang kepada penjimatan bil elektrik antara 30 dan 40 peratus

serta mengurangkan perbelanjaan kos senggara.

Selain menjimatkan, lampu LED mempunyai banyak kelebihan termasuk stabil, tahan lama, kurang panas dan tiada merkuri logam yang berbahaya terhadap alam sekitar, menurut kenyataan itu. – Bernama